

24 SEP 2002

M'SIA ANJUR PERSIDANGAN KETUA AUDIT NEGARA KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Ketua-ketua Audit Negara Komanwel pada 7 dan 8 Okt ini.

Persidangan itu bertujuan meningkatkan kerjasama di kalangan Ketua Audit Negara Komanwel dengan matlamat memajukan pengetahuan dan profesionalisme dalam bidang pengauditan dan kewangan antarabangsa selain meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai kanan institusi audit dalam bidang metologi auditan terkini, demikian menurut kenyataan Jabatan Audit Negara hari ini.

Ini merupakan kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah persidangan itu, yang diadakan setiap tiga tahun. Kali pertama Kuala Lumpur menganjurkannya ialah pada 1975.

Sebanyak 150 peserta terdiri daripada ketua audit dan pegawai-pegawai kanan audit negara-negara Komanwel serta badan-badan profesional perakaunan dijangka hadir.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan persidangan itu di Hotel Palace of The Golden Horses.

-- BERNAMA

SOP AHH